

PENGARUH SOSIOKOGNITIF GENERASI Z TERHADAP JATI DIRI BAHASA MELAYU

Siti Nurul Jannah Binti Fital^{1*} dan Junaini Binti Kasdan¹

¹Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap jati diri bahasa Melayu dalam kalangan Generasi Z (Gen Z) di Malaysia berdasarkan perspektif Sosiokognitif. Secara khususnya kajian ini adalah untuk melihat pengaruh sosiokognitif yang melatari Gen Z terhadap tahap jati diri bahasa Melayu mereka. Kajian ini melibatkan 660 orang responden daripada Gen Z, yang dipilih berdasarkan lokasi tempat tinggal bandar, pinggir bandar dan luar bandar di seluruh Malaysia. Instrumen soal selidik digunakan dan diedar menggunakan 'Google Form' untuk pengumpulan data. Instrumen yang dibangunkan oleh pengkaji mempunyai tahap keesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi, iaitu $\alpha = 0.75$ hingga $\alpha = 0.91$. Data dianalisis secara deskriptif dan inferensi menggunakan *Statistical Package for Social Sciences (SPSS)* versi 25.0. Kajian menggunakan empat pemboleh ubah utama yang berfungsi sebagai latar sosial Gen Z iaitu jantina, kaum/etnik, aliran pendidikan dan lokasi kediaman. Tahap jati diri bahasa Melayu Gen Z diukur berdasarkan empat indikator iaitu sikap, persepsi, penghayatan dan pengamalan bahasa Melayu mereka. Kajian mendapati bahawa terdapat perbezaan sikap, persepsi, penghayatan dan pengamalan bahasa Melayu dalam kalangan Gen Z yang mempunyai latar belakang sosial yang berbeza. Perbezaan ini seterusnya akan mewujudkan pula perbezaan tahap jati diri bahasa Melayu dalam kalangan mereka.

kata kunci:

jati diri bahasa Melayu, bahasa kebangsaan, sosiokognitif, kognisi, generasi Z

1.0 PENDAHULUAN

Memupuk semangat jati diri yang dikongsi bersama dalam kalangan masyarakat majmuk yang berlainan agama, anutan, kepercayaan dan cara hidup adalah perkara yang sangat rumit, namun konsep jati diri yang utuh dijelaskan dengan memupuk semangat cinta akan bahasa kebangsaan dan hanya satu bahasa diangkat sebagai bahasa kebangsaan (Zamri Mahamod et al. 2020). Jati diri menurut Mohd Yusof et al. (2012), ialah sifat atau ciri unik dan istimewa dari banyak segi seperti adat, bahasa, budaya dan agama yang menjadi teras dalam membentuk sahsiah dan lambang keperibadian seseorang individu atau sesuatu bangsa. Berkongsi pendapat yang sama Wan Muhamad (2010) mentafsirkan jati diri sebagai identiti diri atau keperibadian diri yang sebenarnya dimiliki oleh seseorang, bukan sahaja terlihat secara lahiriah, tetapi termasuk juga nilai-nilai yang menjadi pegangannya. Tahap jati diri bahasa Melayu seseorang itu tidak terbina dengan sekadar bergantung kepada tingkah laku diri orang itu sendiri. Pembinaan jati diri bahasa pada umumnya turut dipengaruhi oleh faktor-faktor lain seperti latar belakang dan persekitaran seseorang.

*Koresponden: jannah@unimap.edu.my

Makalah ini secara khusus akan membicarakan tentang implikasi sosiokognitif yang melatari Gen Z terhadap tahap jati diri bahasa Melayu mereka. Proses kognitif yang terlibat ialah mengenal pasti, iaitu keupayaan manusia (Gen Z) untuk melihat bentuk atau peristiwa yang sama berlaku berulang kali. Bentuk atau peristiwa yang berlaku berulang kali akan mudah terserap dalam minda manusia. Dalam kehidupan, manusia biasanya akan mengimbas kembali pengalaman atau peristiwa yang pernah berlaku untuk dijadikan model dalam membuat penilaian, keputusan atau pilihan. Menurut Puteri Roslina Abdul Wahid (2003), kebolehan manusia mengimbas kembali peristiwa yang berlaku merupakan proses kognitif dan meluahkan kembali melalui tindakan segala pengalaman untuk disampaikan kepada masyarakat. Kecekapan proses kognitif berlaku apabila manusia mampu membezakan antara satu pengalaman dengan satu pengalaman yang lain untuk membentuk keperibadian dalam kehidupan.

2.0 TEORI SOSIOKOGNITIF BANDURA

Pada awalnya, teori sosiokognitif ini dikenali sebagai Teori Pembelajaran Sosial dan ada kalanya disebut juga sebagai Teori Pembelajaran Kognitif Sosial. Kebanyakan ahli psikologi meletakkan teori Bandura sebagai behavioris, tetapi Bandura sendiri merasakan teorinya tidak sesuai dengan teori tingkah laku tradisional. Bandura (1986), mengatakan bahawa kitaran tersebut tidak lengkap. Dalam himpunan teori kognitif sosial, Bandura telah menghasilkan satu teori daripada beberapa "teori besar" yang terus berkembang sehingga abad kedua puluh satu. Bandura telah mencabar kecenderungan umum dalam bidang psikologi dan pendidikan ke arah model mini dengan menumpukan pada proses yang berpengaruh dalam pelbagai bidang fungsi manusia, pendidikan, sukan, kesihatan, pengaturan organisasi, perubahan, kesihatan mental, dan domain politik sosial.

Menurut Bandura (1986), seseorang itu belajar melalui pemerhatian, membaca apa yang manusia lain lakukan, dan membuat andaian umum tentang dunia. Bandura percaya bahawa perlakuan, pemboleh ubah personal, dan persekitaran mampu mempengaruhi pembentukan personaliti seseorang. Hubungan tiga segi ini dinamakan penentu timbal balik. Ketiga-tiga elemen ini saling berkaitan dalam mempengaruhi perlakuan seseorang. Dalam konteks kajian ini, jati diri bahasa Melayu Gen Z terbentuk daripada sikap, persepsi, penghayatan dan pengamalan mereka terhadap bahasa Melayu. Sikap, persepsi, penghayatan dan pengamalan bahasa ini pula dipengaruhi oleh latar belakang atau persekitaran yang melatari mereka. Personaliti yang terbentuk daripada tindak balas dengan persekitaran itu pula apabila ditonjolkan dalam masyarakat boleh menjadi model kepada orang lain untuk diikuti. Kepelbagaian ini menunjukkan bahawa jati diri Gen Z, sikap, persepsi, penghayatan, pengamalan dan latar belakang mempunyai hubungan yang bertimbal balas.

Gagasan utama teori ini menyatakan, pembelajaran dan perubahan tingkah laku dapat dilakukan melalui pemerhatian dan peniruan model. Proses pembelajaran dan perubahan tingkah laku dapat dilakukan dengan lebih cepat secara maksimum melalui pemerhatian dan peniruan model. Bandura (1986) berpendapat bahawa pembelajaran melalui pemerhatian lebih berkesan daripada pembelajaran langsung. Dalam proses pemerhatian ini kaedah yang mampu mempengaruhi seseorang itu disebut sebagai pemodelan. Pada umumnya, terdapat tiga jenis model, iaitu model bernyawa (anggota keluarga, guru, rakan sebaya dan sebagainya), kedua, model ikonik dan simbolik (representasi bergambar seperti kartun, filem dan televisyen), dan ketiga, model teks atau arahan verbal (akhbar dan media cetak lain).

3.0 TAHAP JATI DIRI GEN Z BERDASARKAN JANTINA, LOKASI, KAUM dan ALIRAN BIDANG PENGAJIAN

Hasil cerapan data menunjukkan tahap jati diri bahasa Melayu Gen Z perempuan adalah lebih tinggi berbanding Gen Z lelaki dengan nilai min bagi perempuan ialah 6.2029 dan 5.9764 bagi lelaki. Kajian yang dijalankan oleh Khaidzir et al. (2010), mendapati sifat-sifat yang ada pada pelajar wanita lebih patuh berbanding pelajar lelaki. Sifat feminin sering menggambarkan keseriusan dalam setiap kegiatan yang dilakukan oleh kaum wanita manakala lelaki digambarkan lebih agresif berbanding wanita. Selain itu, didapati kaum wanita lebih serius bekerja berbanding lelaki. Dilihat daripada sudut kepuasan, kadang kala kaum lelaki mendapat kepuasan untuk melanggar peraturan sementara wanita lebih puas dapat mentaati peraturan. Sifat-sifat positif yang ada pada Gen Z perempuan inilah yang menyebabkan mereka cenderung bersikap lebih positif terhadap segala fungsi bahasa Melayu, berbanding Gen Z lelaki.

Seterusnya kajian ini juga mendapati jati diri bahasa Melayu Gen Z di bandar dan pinggir bandar adalah lebih rendah berbanding Gen Z di luar bandar dengan nilai min Gen Z di bandar 5.9587, pinggir bandar 6.1530 dan luar bandar 6.4532. Antara sebab jati diri bahasa Melayu Gen Z di kawasan bandar dan pinggir bandar adalah lebih negatif berbanding Gen Z di luar bandar adalah kerana, mereka lebih banyak terdedah dan terpengaruh dengan bahasa asing, khususnya bahasa Inggeris yang begitu tinggi penggunaannya di kawasan bandar. Kedudukan penempatan di kawasan yang padat dengan kemajuan seperti di bandar mempunyai kemudahan akses jalur lebar yang meluas dan pantas, merupakan antara faktor pemangkin penggunaan bahasa Inggeris yang tinggi di kawasan tersebut. Mohd Isha Awang (2008), menyatakan masyarakat bandar kini, yang semakin mementingkan bahasa Inggeris telah menyebabkan pembelajaran bahasa Melayu semakin tercabar. Penggunaan dan pengaruh bahasa Inggeris yang tinggi di kawasan bandar turut diakui oleh Nor Hashimah et al. (2013), yang menyatakan sikap bahasa Melayu pelajar di luar bandar adalah lebih baik berbanding pelajar bandar, kerana pelajar luar bandar belum terlalu terpengaruh dengan bahasa asing, khususnya bahasa Inggeris, yang penggunaannya agak tinggi di bandar. Kepadatan penempatan dan kos sara hidup yang tinggi di bandar, mengakibatkan masyarakat bandar beralih arah membina penempatan di pinggiran bandar. Menurut Samruhaizad et al. (2014), kawasan yang paling sesuai dalam menampung percambahan penempatan bandar sama ada bagi pembangunan pentadbiran, pendidikan, perindustrian, kediaman, pusat perniagaan komersial yang telah dirancang untuk masa hadapan, ialah kawasan pinggir bandar.

Transformasi kawasan pinggiran kepada penstrukturan bandar merupakan kesan pertumbuhan pesat kota metropolitan yang membangun. Limpahan ini sekaligus menyebabkan masyarakat pinggir bandar menerima kesan yang sama seperti masyarakat bandar. Keadaan ini turut dipersetujui oleh Samruhaizad et al. (2014) dengan menyatakan pembangunan yang tidak terancang mengakibatkan ancaman kualiti hidup masyarakat pinggiran walaupun terdapat keupayaan limpahan perbandaran ke kawasan pinggiran menjanjikan perubahan kualiti hidup yang lebih baik. Kesan kejutan budaya sama ada negatif atau positif akibat perubahan pembangunan ini sekiranya tidak diuruskan dengan sebaik mungkin akan mengundang pelbagai masalah kepada masyarakat pinggir bandar.

Ditinjau dari aspek kaum pula hasil kajian mendapati jati diri bahasa Melayu Gen Z kaum Cina berada pada tahap yang paling rendah dengan nilai min 5.7825 dan diikuti dengan kaum India 5.9369. Hal ini sepatutnya tidak berlaku dalam kalangan rakyat Malaysia yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Sebagai

warganegara Malaysia, tanpa mengira kaum, harus mempunyai jati diri bahasa Melayu yang tinggi sebagai lambang cintakan tanah air. Dapatan kajian juga menunjukkan jati diri Gen Z etnik Bumiputera (Sabah, Sarawak dan Siam) adalah lebih tinggi berbanding Gen Z kaum Melayu dengan perbezaan purata min 11832. Ironinya, bahasa Melayu adalah bahasa kedua bagi etnik Bumiputera dan bahasa pertama juga bahasa ibunda bagi kaum Melayu. Orang Melayu merupakan penutur natif bahasa Melayu, namun pengaruh bahasa Inggeris seringkali mempengaruhi penggunaan bahasa Melayu dalam komunikasi sehari-hari mereka (Siti Rahimah et al. 2014). Tambahan pula, bahasa yang digunakan dalam komunikasi sehari-hari melambangkan hakikat sebenar penggunaan bahasa sesebuah bangsa yang seterusnya menjadi cerminan kepada budaya dan jati diri bangsa tersebut. Bandura (1986) menyatakan perubahan dalam hidup ini berlaku tanpa jangkakan dan tidak dirancang. Oleh sebab manusia bebas bertindak balas terhadap situasi, mereka juga boleh diubah dan dipengaruhi oleh keadaan yang tidak dapat dipastikan. Peristiwa yang dialami akan membentuk personaliti dan menentukan hala tuju kehidupan seseorang. Dalam konteks kajian ini, walaupun Gen Z itu lahir dan membesar dalam keluarga yang bertutur menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar, tetapi sistem pendidikan, pengaruh rakan, dan perkembangan teknologi maklumat mampu merubah penggunaan bahasa mereka.

Selanjutnya, hasil kajian juga menunjukkan Gen yang mempunyai latar pendidikan yang berbeza juga, akan mempunyai tahap jati diri bahasa yang berbeza. Berdasarkan cerapan data kajian ini didapati Gen Z dalam bidang komunikasi serta bahasa dan sastera mempunyai tahap jati diri yang paling tinggi dengan nilai min masing-masing ialah 7.410 dan 6.695. Manakala Gen Z dalam bidang perubatan mempunyai tahap jati diri bahasa Melayu yang rendah dengan nilai min 5.6064, kemudian diikuti dengan Gen Z aliran Sains dan Teknologi dengan nilai min 5.9944. Tahap jati diri bahasa Melayu berdasarkan aliran pendidikan ini, sebenarnya berkait rapat dengan pendedahan penggunaan bahasa asing dan bahasa Inggeris khasnya dalam budaya sistem pendidikan kini. Modernisasi, globalisasi, perkembangan sains dan teknologi, pendedahan kepada bahasa Inggeris, dan pengenalan dasar PPSMI telah mempengaruhi minda remaja (Zulkifley et al. 2020), sekaligus menyebabkan wujud ketidakpercayaan terhadap kemampuan bahasa Melayu dalam dunia globalisasi.

4. IMPLIKASI SOSIOKOGNITIF TERHADAP JATI DIRI BAHASA MELAYU

Tahap jati diri bahasa seseorang itu tidak dapat diukur dengan mata kasar. Perkara ini dizahirkan melalui tindakan seseorang itu terhadap bahasanya, melalui sikap, persepsi, penghayatan dan pengamalan mereka terhadap bahasanya. Keempat-empat elemen akan mempengaruhi tahap jati diri bahasa seseorang itu. Jika sikap dan persepsi seseorang itu sangat negatif terhadap bahasanya, penghayatan dan pengamalan terhadap bahasa pula sangat rendah, pastinya jati diri bahasanya juga akan berada pada tahap yang rendah ataupun semakin luntur. Sikap dan persepsi yang positif disertakan dengan penghayatan dan pengamalan yang tinggi terhadap sesuatu bahasa merupakan faktor penting dalam pembentukan jati diri bahasa Melayu yang tinggi dan kuat dalam diri seseorang.

Hasil kajian mendapati terdapat perbezaan sikap, persepsi, penghayatan dan pengamalan terhadap bahasa Melayu dalam kalangan Gen Z yang mempunyai latar belakang sosial yang berbeza. Perbezaan ini seterusnya akan mewujudkan pula perbezaan tahap jati diri bahasa dalam kalangan mereka. Dapatan kajian juga menunjukkan Gen Z mempunyai sikap dan persepsi yang negatif terhadap bahasa Melayu dengan peratusan di antara 50% hingga 70%. Golongan ini berada pada tahap

mula luntur dan luntur jati diri bahasa secara majoritinya. Manakala penghayatan dan pengamalan bahasa Melayu Gen Z berada pada tahap yang tinggi iaitu di antara 60% hingga 84%. Golongan pula ini berada pada tahap sederhana dan tinggi jati diri bahasa secara majoritinya. Implikasi sosiokognitif terhadap jati diri bahasa Melayu Gen Z dihuraikan dengan lebih terperinci melalui beberapa kompenan dalam soal selidik dan wawancara;

4.1 Penetapan Syarat Lulus Bahasa Melayu Sebagai Syarat Utama untuk Mendapatkan Pekerjaan Di Sektor Awam adalah Tidak Relevan

Melalui kajian ini didapati 80.4% Gen Z dalam bidang perubatan berpendapat bahawa penetapan syarat lulus bahasa Melayu sebagai syarat utama untuk mendapatkan pekerjaan di sektor awam adalah tidak relevan dan perlu dimansuhkan. Dapatan ini menggambarkan betapa rapuhnya jati diri golongan ini terhadap bahasa kebangsaan mereka sendiri, justeru tidak hairanlah mengapa golongan dalam bidang yang sama pernah mencabar kedaulatan bahasa Melayu secara terbuka. Pada 23 Februari 2017, kedaulatan bahasa Melayu telah dicabar, apabila Jabatan Perkhidmatan Awan (JPA) bersetuju dengan usul Kementerian Kesihatan untuk melonggarkan syarat kelayakan lulus Bahasa Melayu peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) untuk pelantikan secara kontrak ke jawatan Pegawai Perubatan Gred UD41. Kelonggaran ini sebagai sesuatu yang tidak wajar kerana akan menjadikan bahasa Melayu semakin terpinggir dan tidak dipedulikan. Dapatan kajian ini juga menunjukkan Gen Z dalam bidang Sains & Teknologi dan Teknologi Kejuteraan juga memberi peratusan yang tinggi bersetuju untuk memansuhkan syarat lulus bahasa Melayu sebagai syarat utama untuk mendapatkan pekerjaan di sektor awam. Keadaan ini memberi gambaran bahawa Gen Z ini telah menerima pengaruh yang sama yang akhirnya melahirkan sekumpulan Gen Z yang mempunyai tingkah laku dan pemikiran yang sama.

Kajian ini mendapati Gen Z yang terlibat dalam tiga bidang ini lahir sekitar tahun 1998 – 1999. Mereka ini ialah generasi yang pernah mengikuti dasar Pengajaran dan Pembelajaran Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris (PPSMI). Generasi ini telah didedahkan dengan penggunaan bahasa Inggeris dalam sistem pendidikan sejak darjah satu lagi. Sungguhpun PPSMI dibubarkan pada tahun 2012, tetapi bagi pelajar kohort ini mereka diberi pilihan untuk menggunakan bahasa Melayu atau bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar bagi subjek Matematik dan Sains. Hasil wawancara mendapati kebanyakannya memilih menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar, kerana sudah terbiasa dan lebih mudah difahami. Penggunaan bahasa Inggeris ini berlaku secara terus menerus sehingga ke peringkat pengajian tinggi.

“...soalan math if dalam English lagi senang faham, sebab masa batch saya math and science in English”.

(Sumber: Wawancara Pelajar Universiti Teknikal)

Jika dilihat daripada taburan bidang pengajian ini berdasarkan lokasi pula, 70% Gen Z daripada tiga bidang ini datangnya dari kawasan bandar. Menurut Mohd Isha Awang (2008), masyarakat di bandar kini bersikap semakin mementingkan bahasa Inggeris sehingga menyebabkan pembelajaran bahasa Melayu semakin tercabar. Beliau juga mengakui selari dengan keyakinan terhadap bahasa Inggeris yang tinggi, hal ini telah membawa kepada perubahan sikap yang ketara dalam kalangan pelajar terhadap bahasa Melayu. Ini mengukuhkan lagi dapatan kajian bahawa pendedahan kepada penggunaan bahasa Inggeris yang tinggi mengakibatkan Gen Z bersikap negatif terhadap bahasa Melayu yang menyumbang kepada ketirisan jati diri bahasa Melayu ini berlaku.

4.2 Bahasa Melayu Penting dalam Proses Pembangunan Negara

Gen Z merupakan generasi yang lahir dan membesar dalam era revolusi industri 4.0 (RI4) iaitu era yang mementingkan penggunaan bahasa asing terutamanya bahasa Inggeris. Ditambah pula, Gen Z ini juga telah didedahkan dengan kepentingan menguasai bahasa Inggeris dalam sistem pendidikan negara melalui dasar PPSMI dan *Dual Language Program* (DLP). Apabila kerajaan memperkenalkan dasar PPSMI pada ketika itu, keadaan ini telah menguatkan lagi persepsi sesetengah golongan bahawa penguasaan bahasa Inggeris amat penting dalam era ini. Ibu bapa Gen Z telah mempersiapkan anak-anak mereka dengan pelbagai nilai tambah untuk menempuh arus globalisasi, termasuklah penguasaan bahasa Inggeris. Mereka mahu anak-anak mereka menguasai bahasa Inggeris dengan baik agar tidak tercacir dan ketinggalan dalam pembelajaran dan membolehkan anak-anak mereka memasarkan diri dalam persaingan kompetitif sektor kerjaya. Keadaan ini menyebabkan sesetengah remaja telah didedahkan dengan penggunaan dwibahasa sejak mereka lahir.

Kepentingan menguasai bahasa Inggeris untuk lebih berdaya saing telah diterapkan dalam minda Gen Z oleh ibu bapa sejak mereka kecil lagi. Gen Z akan meniru model bernyawa yang dirasakan paling tepat dan sesuai. Dalam konteks ini ibu bapa dan keluarga ialah model bernyawa yang telah mempengaruhi pemikiran dan tingkah laku kebahasaan Gen Z. Hal ini sesuai dengan teori Sosiokognitif oleh Bandura yang menekankan bahawa pembelajaran berlaku dengan melihat tingkah laku orang lain dan mengenal pasti akibat peniruan tersebut. Dalam hal ini kepentingan untuk menguasai bahasa Inggeris ini telah diperkukuh dalam kognisi Gen Z. Selanjutnya, sesuai dengan ransangan yang diberikan oleh sistem pendidikan, bahawa penguasaan bahasa Inggeris merupakan satu kelebihan memasarkan diri dalam persaingan kompetitif sektor kerjaya, maka Gen Z berlumba-lumba memperkukuh penguasaan bahasa Inggeris mereka kerana atas dasar kepercayaan bahawa bahasa Inggeris penting dalam era ini. Kesan kognitif ini berlaku dalam pelbagai bentuk. Teori Sosiokognitif mengatakan kebanyakan tingkah laku manusia ditentukan oleh apa yang mereka fikirkan merangkumi tujuan peribadi yang ingin dicapai. Semakin tinggi keyakinan mereka, semakin tinggi matlamat yang ditetapkan dan semakin tinggi komitmen yang diletakkan dalam mencapai matlamat mereka;

Self-efficacy beliefs affect thought patterns that may be self-aiding or self-hindering. These cognitive effects take various forms. Much human behavior is regulated by forethought embodying cognized goals, and personal goal setting is influenced by self-appraisal of capabilities. The stronger their perceived self-efficacy, the higher the goals people set for themselves and the firmer their commitment

(Bandura, 1989)

Selain dari itu, corak pemikiran dan gaya hidup masyarakat kini telah berubah. Ramai ibu bapa yang bukan sahaja mempersiapkan anak-anak mereka dengan kemahiran berbahasa Inggeris, malah turut berlumba-lumba memastikan anak-anak mereka menguasai bahasa asing yang lain seperti bahasa Mandarin, Jepun, Jerman dan sebagainya. Di sesetengah sekolah juga telah mewajibkan para pelajar untuk mengambil satu kursus bahasa asing, malah di peringkat pengajian tinggi juga kursus bahasa asing ini dijadikan salah satu subjek elektif wajib yang perlu diambil oleh pelajar sebagai syarat bergraduasi. Perubahan corak pendidikan, pemikiran dan gaya hidup masyarakat kini sedikit sebanyak telah telah menghakis jati diri berbahasa Melayu dalam diri anak-anak masa kini. Hal ini turut diakui sendiri oleh beberapa orang pelajar yang ditemubual;

- a) *“Urm...honestly i feel English are more important for our country development. Even the government acknowledged that. That’s why PPSMI was introduced during my time studying at school since i am form one”.*

(Sumber: Wawancara Pelajar aliran Sains & Teknologi)

- b) “Bukan nak cakap BM tu tak penting. Sebagai rakyat Malaysia kita kenal mahir bertutur dalam bahasa Melayu. Tapi...kalau dalam konteks pembangunan negara ni...bahasa Inggeris tu lagi penting rasanya. Macam kitorang kat universiti ni semua buku rujukan dalam BI. Pensyarah mengajar pun dalam BI”

(Sumber: Wawancara Pelajar aliran Sains Perubatan)

- c) “Pada pandangan saya, BI lebih penting kerana pembangunan negara melibatkan hubungan diplomatik dengan negara luar...”

(Sumber: Wawancara Pelajar aliran Teknologi Kejuruteraan)

Hasil wawancara menunjukkan Gen Z mempunyai persepsi yang negatif dengan meragui kemampuan bahasa Melayu. Dapatan ini sealiran dengan apa yang dikatakan oleh Adenan (2012), iaitu terdapat golongan yang beranggapan bahawa nilai bahasa Melayu tidak mempunyai kekuatan sebagai alat pembangunan negara, tetapi hanya sebagai lambang negara. Pada hemat penulis, apa yang dikatakan oleh beliau tidak boleh dinafikan, justeru tidak hairan jika dapatan kajian ini menunjukkan Gen Z yang merasakan bahasa Melayu penting dalam proses pembangunan negara hanyalah sebanyak 15.20% di bandar, 27.5% di pinggir bandar dan 39.60% di luar bandar. Cerapan data menunjukkan Gen Z di ketiga-tiga lokasi mempunyai persepsi yang negatif terhadap peranan bahasa Melayu dalam proses pembangunan negara. Kajian ini juga mendapati lebih 70% Gen Z yang menerima pendidikan dalam bidang perubatan, Sains & Teknologi dan Teknologi Kejuruteraan menidakkan kepentingan bahasa Melayu dalam proses pembangunan negara. Pendedahan penggunaan bahasa Inggeris sudah bermula sejak mereka lahir lagi, kemudian disambut pula dengan sistem pendidikan yang menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar bagi beberapa subjek di peringkat sekolah rendah dan menengah, dan seterusnya disambut pula dengan sistem di pusat pengajian tinggi yang 90% menggunakan bahasa Inggeris sebagai medium utama dalam sesi P&P. Berdasarkan wawancara tersebut juga didapati berlaku hubungan timbal balik antara persekitaran, persepsi dan jati diri bahasa Melayu Gen Z. Persekitaran yang mementingkan bahasa Inggeris telah mempengaruhi persepsi Gen terhadap bahasa Melayu yang akhirnya memberi kesan kepada pembentukan jati diri bahasa Melayu mereka. Selari dengan hubungan timbal balik yang menjadi asas teori Sosiokognitif.

4.3 Bahasa Melayu Tidak Berjaya Menyatupadukan Rakyat Malaysia yang Terdiri daripada Pelbagai Kaum.

Malaysia didasari oleh penduduk yang berbilang bangsa, etnik, agama, budaya dan bahasa. Masyarakat pluraliti ini membawa bersama perbezaan kehendak dan kemahuan sekaligus mahu menjaga kepentingan kaum mereka sendiri. Demi menjamin keharmonian sebuah negara yang dihuni oleh masyarakat pluraliti ini, perpaduan adalah sangat penting. Perpaduan merupakan intipati yang sering dilaungkan oleh pemimpin dalam menjamin kelangsungan keamanan negara. Rentetan itu sebagai langkah memastikan negara tidak kucar-kacir akibat persengketaan antara kaum, banyak medium yang digunakan bagi mewujudkan dan mengutuhkannya perpaduan khususnya di Malaysia dan antaranya adalah—menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar merentas kaum.

Nilai bahasa Melayu penting dalam semua aspek kehidupan bermasyarakat, apatah lagi fungsinya berkait rapat dengan unsur keutuhan perpaduan. Dari segi konsep, nilai bahasa Melayu yang menginjak teras perpaduan bangsa di Malaysia dapat dikaitkan sebagai bahasa utama yang berfungsi sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa perantaraan serta berupaya menjadi nadi penyatuan pelbagai kaum di negara ini (Adenan, 2009). Pelbagai usaha telah dilakukan oleh kerajaan bagi memperkukuh kedaulatan bahasa Melayu dalam mengorak perpaduan kebangsaan. Namun menurut Adenan (2012), malangnya masih wujud sesetengah golongan masyarakat yang bersikap acuh tidak acuh, selain bertindak sambil lewa sahaja dalam mengaplikasikan hasrat dan aspirasi tersebut. Kesannya nilai bahasa Melayu ke arah pembangunan masyarakat yang berteraskan perpaduan hanya dipandang ringan.

Jadual 1 Bahasa Pertuturan yang kerap digunakan oleh Gen Z

Kaum	Bahasa Pertuturan yang Kerap Digunakan (%)						
	Bahasa Melayu	Bahasa Cina (Mandarin, Kantonis, Hakka)	Bahasa Tamil	Bahasa Inggeris	Bahasa Thai	Dialek Sarawak	Dialek Sabah
Melayu	91.0	0.0	0.0	8.9	0.0	0.2	0.0
Cina	5.5	78.0	0.0	15.2	0.7	0.7	0.0
India	18.6	1.7	67.8	11.9	0.0	0.0	0.0
Bumiputera (Sabah, Sarawak & Thai)	53.7	0.0	0.0	14.6	4.9	17.1	9.8

Jadual 1 di atas menunjukkan peratusan penggunaan bahasa Melayu bagi kaum-kaum bukan Melayu mencatatkan peratusan yang amat rendah. Bagi kaum Cina dan India, mereka hanya menggunakan bahasa Melayu apabila berkomunikasi dengan rakan-rakan Melayu yang tidak fasih berbahasa Inggeris ataupun dalam keadaan-keadaan tertentu misalnya seperti sesi Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) kursus bahasa Melayu dalam bilik kuliah. Selebihnya mereka lebih gemar menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa komunikasi merentas kaum. Sikap sebeginilah yang menggagalkan usaha-usaha yang telah dilakukan oleh kerajaan bagi memperkukuh kedaulatan bahasa Melayu dalam mengorak perpaduan kebangsaan

Meneliti hasil kajian ini, didapati Gen Z mempunyai persepsi yang negatif terhadap peranan bahasa kebangsaan sebagai bahasa perpaduan apabila 66% Gen Z dalam kajian ini berpendapat bahawa bahasa Melayu gagal menyatupadukan rakyat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum. Bagi Gen Z, fungsi bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan hanyalah sekadar simbolik identiti bangsa Malaysia, namun dari segi perlaksanaannya dilihat masih tidak berjaya mencapai matlamat sebenar. Penulis telah menemubual beberapa orang responden bagi mendapatkan penjelasan mereka mengenai isu perpaduan ini.

Responden Gen Z4 merupakan pelajar tahun 2 universiti awam dan berbangsa Melayu. Katanya, corak kehidupan pelajar-pelajar yang berlainan kaum di universiti memberi gambaran bahawa rakyat Malaysia masih belum berjaya mencapai tahap perpaduan yang jitu. Sewaktu sesi PdP, belajar lebih selesa berada dalam kelompok kaum sendiri dan begitu juga di luar konteks bilik kuliah.

“Saya melihat kaum-kaum di Malaysia hanya bersatu dalam hal-hal tertentu sahaja. Hakikatnya yang lebih ketara kita mampu lihat, setiap kaum ada agenda untuk kepentingan kaum sendiri. Di universiti pun kita boleh nampak, *student* Cina dengan

student Cina, Melayu dengan Melayu, India dengan India. Bila pensyarah minta tugas berkumpul, kalau takda syarat mesti ada campuran kaum dalam satu kumpulan, *sure* dah buat kumpulan ikut kaum masing-masing. Bila dah satu kumpulan tu, nampaklah macam ada perpaduan, boleh bekerja sama, tapi sebenarnya masing-masing lebih selesa dengan kaum masing-masing. Ada juga *student* Cina dengan India yang memang boleh '*ngam*' dengan budak Melayu, tapi tak ramailah. Selalunya diorang ni memang dah biasa dalam komuniti Melayu”

(Sumber: Wawancara Gen Z4)

Menurutnya lagi, terdapat juga pelajar yang berbangsa Cina dan India tetapi selesa berada dalam kelompok pelajar Melayu kerana mereka sudah terbiasa dalam komuniti Melayu. Pada hemat penulis, pelajar Cina dan India tersebut ialah Gen Z yang menerima pendidikan rendah dan menengah di sekolah aliran kebangsaan. Berdasarkan hasil cerapan data kajian ini juga menunjukkan Gen Z kaum Cina dan India yang mendapat pendidikan sekolah aliran kebangsaan mempunyai tahap jati diri bahasa Melayu yang lebih tinggi berbanding dengan mereka yang mendapat pendidikan di Sekolah Jenis Kebangsaan. Jadual 2 dan 3, menunjukkan perbezaan tahap jati diri mengikut aliran sekolah.

Jadual 2 Tahap Jati Diri Bahasa Melayu Gen Z Berdasarkan Aliran Sekolah Rendah

Aliran Sekolah	Jati Diri Bahasa Melayu %			
	Luntur	Mula Luntur	Tinggi	Sangat Tinggi
SRK	0.2%	41.6%	51.3%	7.0%
SRJK (C)	1.4%	73.2%	24.6%	0.7%
SRJK (T)	0.0%	54.5%	45.5%	0.0%
Swasta	0.0%	50.0%	50.0%	0.0%

Jadual 3 Tahap Jati Diri Bahasa Melayu Gen Z Berdasarkan Aliran Sekolah Menengah

Aliran Sekolah	Jati Diri Bahasa Melayu %			
	Luntur	Mula Luntur	Tinggi	Sangat Tinggi
SRK	0.4%	43.0%	50.0%	6.7%
SRJK (C)	1.2%	76.8%	22.0%	0.0%
SRJK (T)	0.0%	57.1%	42.9%	0.0%
Persendirian Cina	0.0%	100.0%	0.0%	0.0%
Swasta	0.0%	50.0%	50.0%	0.0%
MRSM	0.0%	54.7%	43.4%	1.9%

Pada hemat penulis bahasa Melayu tidak akan berjaya menyatupadukan rakyat Malaysia selagi rakyatnya dipisahkan-pisahkan dengan aliran pendidikan yang berlainan. Apabila setiap sekolah menggunakan bahasa pengantar yang berbeza tentunya fungsi bahasa Kebangsaan sebagai bahasa perpaduan itu dapat dipraktikkan. Penyata Razak 1956 dan Ordinan Pelajaran 1957 mencatatkan bahawa sistem pendidikan di Malaysia terbentuk dalam satu sistem yang dikenali sebagai sistem pendidikan kebangsaan dengan matlamat akhir ialah bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama. Sistem pendidikan satu aliran ialah satu cara yang terbaik dalam memupuk perpaduan dalam kalangan rakyat. Sistem pendidikan satu aliran ialah sistem pendidikan yang menggunakan satu bahasa pengantar di sekolah dengan matlamat mewujudkan perpaduan dan integrasi nasional dalam kalangan rakyat pluraliti. Wujudnya sistem pendidikan yang menggunakan satu bahasa pengantar, secara tidak langsung akan mewujudkan satu sistem nilai dan budaya sosial. Melalui sekolah satu aliran, murid kaum lain masih berhak mempelajari bahasa ibunda masing-masing di samping membolehkan mereka memupuk dan mencapai matlamat perpaduan dan integrasi nasional menerusi pendidikan. Pendapat ini sealiran dengan apa yang

dikatakan oleh Pensyarah Kanan Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia, Prof Madya Dr Wan Marzuki Wan Jaafar dalam akhbar Sinar Harian, bahawa masalah perpaduan kaum berpunca daripada sistem persekolahan yang tidak selaras;

“Isu itu sudah lama dibahaskan kerana jika kita lihat isu sekolah vernakular sebenarnya ia tidak dapat menyatukan kaum. Jadi sekolah satu aliran adalah cara terbaik untuk mendidik serta memupuk integrasi nasional dalam kalangan generasi masa depan yang bakal mewarisi negara ini,”

Turut berkongsi pandangan yang sama ialah Felo Utama Institut Kajian Etnik (Kita), Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof Dr Teo Kok Seong;

“Gabungan sekolah kebangsaan, jenis kebangsaan dan agama adalah cara terbaik meningkatkan penguasaan bahasa Melayu dan menggalakkan perpaduan dalam kalangan rakyat berbilang bangsa. Sistem sekolah vernakular yang diamalkan sejak dahulu lagi menghalang pembentukan identiti nasional daripada didokong oleh anak bangsa selain mewujudkan pengasingan etnik di negara ini. Mereka yang menentang cadangan itu dilihat kurang kepercayaan antara kaum kerana berpendapat jika baik untuk kaum Melayu, mungkin buruk untuk kaum Cina dan India dan sebaliknya. Sikap itu timbul kerana mereka tidak bercampur antara satu sama lain sejak di bangku sekolah. Orang Melayu ke sekolah kebangsaan atau agama manakala Cina dan India ke sekolah jenis kebangsaan. Bila mereka masuk tingkatan satu di sekolah kebangsaan, mereka tidak dapat bercampur dan 'ia sudah terlambat.’”

Isu ini dapat dikaitkan dengan teori Sosiokognitif oleh Bandura yang mengatakan, personaliti dibentuk oleh manusia, tabiat manusia, dan persekitaran. Hubungan tiga segi ini dinamakan penentu timbal balik oleh Bandura. Berdasarkan dapatan kajian ini, dapat dilihat bahawa persekitaran sistem pendidikan di sekolah mampu mempengaruhi corak pemikiran Gen Z yang seterusnya memberi kesan kepada pembentukan jati diri bahasa Melayu mereka. Sistem pendidikan pelbagai aliran telah mewujudkan pengasingan etnik berlaku. Tidak berlaku percampuran kaum di sekolah, maka sudah tentunya tidak berlaku bergaul sosial antara kaum sehingga mereka tamat persekolahan. Seterusnya, apabila mereka melanjutkan pelajaran di peringkat pengajian tinggi, terutamanya universiti awam mereka akan merasa janggal dan tidak selesa untuk bergaul dengan kaum lain. Ini menjadi salah satu faktor pendorong mengapa hasil wawancara bersama Gen Z4 mengatakan di universiti akan kelihatan pelajar Cina bersama pelajar Cina, pelajar Melayu dengan pelajar Melayu, dan pelajar India dengan pelajar India.

Selanjutnya, hasil kajian ini dilihat begitu signifikan dengan kajian Mansor et al. (2006) yang menjalankan kajian terhadap pelajar-pelajarnya yang terdiri daripada bangsa Melayu, Cina dan India. Kebanyakan pelajar mempunyai sentimen perkauman yang tinggi. Polarisasi di alam kampus amat membimbangkan. Para pelajar lebih suka bergaul dengan kaum sendiri dalam segala hal. Semua ini berlaku disebabkan oleh proses sosialisasi yang dilalui sebelum memasuki alam kampus. Bandura menegaskan manusia bebas bertindak balas terhadap situasi, mereka boleh diubah dan dipengaruhi oleh keadaan. Kemampuan kognitif yang bersifat simbolik, menjadikan manusia mampu mengubah apa yang dipelajari dan diamati dalam pelbagai situasi yang akhirnya membentuk personaliti dan hala tuju mereka. Apa yang dikatakan oleh Bandura dapat dilihat dalam kajian ini iaitu, apabila situasi pengasingan etnik ini berlaku, maka fungsi bahasa kebangsaan sebagai bahasa komunikasi dan perpaduan merentas kaum tidak dapat dipraktikkan. Keadaan ini akhirnya mewujudkan Gen Z yang mempunyai sentimen

yang tertanam dalam minda mereka, bahawa bahasa ibunda kaum sendiri adalah lebih penting dan perlu dipertahankan melebihi bahasa kebangsaan.

Pada hemat penulis sekolah adalah faktor kedua yang mempengaruhi pembentukan jati diri bahasa Melayu Gen Z. Faktor utama ialah pengaruh ibu bapa. Ini kerana pada peringkat awal, anak-anak tidak tahu apa yang mereka inginkan. Mereka tidak tahu pilihan apa yang paling tepat ~~untuk mereka~~ pada ketika itu, justeru ibu bapalah yang akan memilih dan menentukan corak pendidikan yang akan diterima anak-anak mereka. Walaupun terdapat sekolah kebangsaan namun ibu bapa bukan Melayu lebih cenderung untuk menghantar anak-anak mereka ke SJK(C) atau SJK(T). ~~Mengambil contoh kajian Mohd Ridhuan Tee (2010) ada~~ menyatakan dalam konteks Malaysia, sekolah perkauman Cina (SJKC) menjadi pilihan keluarga Cina sejak dari awal. Sejarah keluarga dan perkembangan sistem pendidikan Cina di Tanah Melayu bermula sejak penghijrahan masuk orang Cina pada awal abad ke-19. Imigran Cina bukan sahaja membawa bersama-sama adat, kepercayaan, agama dan kebudayaan keluarga, tetapi juga sistem pendidikan mereka ke Tanah Melayu.

“In the middle of the 1880s the Chinese in Malaysia began running local schools for their children. School program mirrored education in China. In 1911, after the fall of the last imperial dynasty, the Qing, the school curriculum reflected a growing sense of Chinese Nationalism. Emphasis was placed on creating military spirit; drilling, uniform, and patriotic songs were incorporated into the school day”

(Freeman 2000).

~~Mengambil contoh apa yang dikatakan oleh~~ Freeman (2000) dan Mohd Ridhuan Tee (2010), ~~dapat disimpulkan~~ bahawa pegangan kaum Cina dan India hari ini ~~adalah~~ dipengaruhi oleh sejarah masa lalu. Peranan agen sejarah sememangnya meninggalkan impak yang besar ke atas sosialisasi masyarakat Melayu dan bukan Melayu di Malaysia, kerana setiap kaum mempunyai kepercayaan dan persepsi yang berbeza-beza. Setiap kaum merasakan bahawa bahasa dan budaya mereka adalah yang terbaik. Bagi kaum bukan Melayu pula mereka mahu warisan budaya dan bahasa mereka terus dijaga dan dipertahankan. Menurut Purcell (1997), yang penting bagi mereka ialah sistem pendidikan melalui bahasa pengantar sendiri.

Menurut sarjana politik Hyman (1959), dengan mendengar perbualan ibu bapa ketika bersarapan, anak-anak mula membentuk corak pemikiran mereka. Pengaruh keluarga memainkan peranan dalam membentuk hubungan mereka dengan jiran, orang lain, undang-undang tempatan dan masyarakat amnya. Langton (1969), mengatakan bahawa keluarga adalah kumpulan sosial yang pertama dalam mempengaruhi kehidupan seseorang kanak-kanak. Ibu bapa dan saudara mara adalah antara terdekat yang mendidik dan berinteraksi dengan mereka dalam proses sosialisasi ini. Dari sudut pandangan ilmuan Islam, Ibn Khaldun (2002) menjelaskan, persekitaran yang baik perlu bagi menghasilkan akhlak yang baik dan akhlak yang baik itu perlu lahir dari diri sendiri berdasarkan pengamatannya kepada faktor-faktor persekitaran yang boleh mempengaruhi tabiat hidup manusia. Dari perspektif sarjana Barat pula, Berne (1964) menyatakan tingkah laku, pemikiran dan perasaan manusia pada asasnya tidak terlepas daripada pengaruh persekitaran, terutama sekali oleh harapan dan desakan yang dibuat oleh orang yang rapat dengan diri mereka seperti rakan sebaya, keluarga dan masyarakat dewasa. Bandura (1997) pula berpendapat, kanak-kanak dan remaja banyak belajar melalui peniruan. Menurutnya, tingkah laku manusia terhasil kesan daripada pengalaman pengasuhan kanak-kanak. Oleh itu, kebanyakan tingkah laku Gen Z adalah mengikut kehendak ibu bapa dan masyarakat. Tingkah laku yang menyeleweng pula adalah kesan pengasuhan dan proses sosialisasi yang kurang sempurna. Ibu bapa adalah

model bernyawa yang mempengaruhi corak pemikiran Gen Z dan pembentukan jati diri bahasa Melayu mereka. Pegangan ibu bapa hari ini adalah hasil apa yang telah diperturunkan oleh generasi lalu dan kemudian diperturunkan pula kepada Gen Z hari ini.

4.4 Penggunaan Kata Ganti Nama Seperti *Korang, Kitorang, Diorang* dan *Bro* Ketika Berkomunikasi Tidak Menimbulkan Masalah kepada Gen Z

Nik Safiah Karim et al. (2013) menjelaskan bahawa kata ganti nama diri orang ialah perkataan yang menjadi pengganti kata nama khas orang dan kata nama am orang. Kata ganti nama diri orang mengandungi perkataan yang merujuk diri orang tertentu, iaitu diri orang pertama, diri orang kedua dan diri orang ketiga. Kata ganti nama diri orang pertama merangkumi saya, aku, beta, patik, kami, dan kita. Kata ganti nama diri orang kedua pula merangkumi anda, saudara, engkau, awak dan kamu. Manakala kata ganti nama diri orang ketiga ialah ia, dia, beliau, mereka dan -nya. Dalam slanga pula, kata *diorang* merupakan kata ganti nama orang ketiga merujuk kepada kata ganti nama 'mereka'. Kata *diorang* berasal dari rangkai kata dia orang yang dipermudahkan sebutan dan ejaannya menjadi *diorang*. Manakala *kitorang* pula berasal dari rangkai kata kita orang yang diringkaskan sebutannya dan ejaannya menjadi *kitorang* untuk merujuk kepada kata ganti nama orang pertama, iaitu 'kami'. Begitu juga dengan kata slanga *korang* yang merujuk kepada kata ganti nama orang kedua, iaitu 'awak semua' atau 'kamu semua'.

Bagi Gen Z penggunaan slanga dan bahasa popular yang merujuk kata ganti nama dalam komunikasi seharian mereka tidak menimbulkan masalah kepada mereka. Ironinya, mereka selesa dan sudah terbiasa dengan penggunaan bahasa sedemikian. Kebiasaan ini menyebabkan mereka tidak merasa salah untuk menggunakannya.

"tau tu (*korang, kitorang, diorang*) bahasa slanga. Ramai je orang guna. Tapi dalam penulisan ingatkan macam singkatan yang dibenarkan, sebab banyak jumpa dalam novel atau cerpen".

(Sumber: Wawancara Gen Z)

Dalam hal ini, kajian mendapati bahawa model teks yang sering dilihat dan dibaca oleh Gen Z telah mempengaruhi penggunaan bahasa Melayu mereka. Penggunaan kata ganti nama *korang, kitorang, diorang* sering dilihat dalam penulisan kreatif. Kelaziman ini turut berlaku dalam penulisan dalam media sosial seperti *Facebook, Twitter, Instagram* dan *Whatsaap*. Selain model teks, model bernyawa juga dilihat mempengaruhi penggunaan bahasa Gen Z. Kata ganti nama *korang, kitorang, diorang* sudah menjadi kelaziman digunakan dalam perbualan sehari-harian dalam keluarga dan juga orang sekeliling mereka. Gen Z pula adalah generasi yang membesar dengan perkembangan dunia teknologi. Kebanyakannya sudah terdedah dengan penggunaan media sosial sejak dari-kecil lagi. Penggunaan bahasa yang digunakan oleh *instafamous* dan *Youtuber* turut mempengaruhi mereka. Model bernyawa dan model teks adalah perwakilan dari model peranan yang dianggapnya memahami bahasa yang mereka tuturkan. Hal ini juga sesuai dengan Teori Sosiokognitif bahawa tingkah laku manusia itu, termasuk tingkah laku berbahasa sentiasa saling berinteraksi secara timbal balik dan berterusan antara faktor kognitif, tingkah laku dan lingkungannya. Dalam proses determinisme timbal balik itulah hadirnya kesempatan manusia untuk mempengaruhi kemampuannya dalam menentukan apa yang diinginkan.

Teori Sosiokognitif juga menjelaskan bahawa proses belajar meliputi kegiatan pemrosesan maklumat. Dalam hal ini, kekuatan model peranan adalah terletak pada kemampuannya untuk mempengaruhi proses tersebut. Gen Z memerhati gejala bahasa yang berlaku, merakam dalam memori dan seterusnya diluahkan dalam bentuk peniruan bahasa tersebut. Tahap keberhasilan pembelajaran melalui peniruan model turut dipengaruhi oleh karakteristik model atau karakteristik pengamat itu sendiri. Karakteristik model yang merupakan variabel penentu kepada tahap perhatian itu mencakupi frekuensi kehadirannya, kejelasannya, daya tarik personalnya, dan nilai fungsional perilaku model itu. Demikian halnya yang berlaku kepada Gen Z berhubung dengan penggunaan kata ganti nama *korang*, *kitorang*, *diorang*, dan *bro* yang mereka gunakan. Bentuk tersebut didapati mempunyai makna yang jelas dan mempunyai frekuensi penggunaan yang tinggi.

Hasil wawancara bersama Gen Z, didapati tidak semua bahasa slanga ataupun bahasa popular itu boleh digunakan dalam semua keadaan. Ada sesetengah kata ganti nama seperti *bro*, *bosku*, *I ols* dan *sistur* hanya digunakan dalam kelompok mereka sahaja tetapi tidak digunakan dalam keluarga. Teori Sosiokognitif mengatakan proses ini merupakan peniruan sekat lakuan iaitu tindakan meniru yang dilakukan oleh individu terhadap model peranan, tetapi perlakuan tersebut hanya dapat dilakukan semula dalam situasi tertentu. Namun bagi kata ganti nama seperti *korang*, *kitorang*, dan *diorang* pula, merupakan peniruan langsung kerana kata ganti nama seperti ini sudah lazim didengari dan digunakan. Salah satu faktor penggunaan slanga ialah pengaruh akibat kelaziman dalam persekitaran keluarga dan masyarakatnya.

5. KESIMPULAN

Berdasarkan kajian ini, didapati tahap jati diri bahasa Melayu Gen Z tidak berada pada tahap yang membanggakan. Kerapuhan jati diri bahasa Melayu ini jika tidak dibendung secara benar-benar serius akan menyebabkan bahasa Melayu semakin hilang kedaulatannya sebagai bahasa kebangsaan negara. Era globalisasi serba serbi menuntut penggunaan bahasa Inggeris yang tinggi. Femomena ini sedikit demi sedikit telah mempengaruhi minda dan jati diri anak-anak Malaysia, dan Gen Z khususnya. Ditambah pula dengan pihak kerajaan yang tidak bersungguh-sungguh melaksanakan dasar bahasa kebangsaan dilihat sebagai bukti bahasa Melayu tidak mampu berperanan sebagai bahasa perpaduan (Nor Hashimah et. al 2013) bahasa komunikasi antara kaum, bahasa pembangunan, dan bahasa merentas sempadan. Sesebuah negara dapat menggambarkan diri sebagai suatu bangsa yang utuh hanya melalui bahasa kebangsaannya. Hayati Lateh et al. (2013), dalam kajiannya dalam mengenal pasti perantaraan utama atau lingua franca yang digunakan di sempadan Malaysia-Thailand mendapati bahawa responden ~~responden~~ Thailand memilih dialek Melayu Patani sebagai bahasa lingua franca kerana dialek Melayu Patani ialah bahasa ibunda responden Thailand di sempadan Malaysia-Thailand dan penggunaanya melambangkan jati diri penutur sebagai kaum Melayu yang beragama Islam. Melalui kajian beliau jelas menunjukkan bahawa pentingnya peranan sesuatu bahasa dalam menggambarkan jati diri sesuatu bangsa dan negara. Sesuatu bangsa dapat dikenali melalui bahasanya. Keperluan untuk menguasai bahasa asing dengan baik tidak seharusnya mengubah atau mengurangkan jati diri bahasa Melayu dalam diri pelajar. Seharusnya para pelajar ini mampu menguasai bahasa Melayu dengan baik dan terus menjunjung kedaulatan bahasa Kebangsaan. Negara yang berdaulat ialah negara yang mempunyai jati sendiri. Bahasa yang berdaulat pula ialah bahasa yang kekal dengan jati diri bahasanya.

RUJUKAN

- Adenan Ayob, 2009. Bahasa kebangsaan. Shah Alam: Oxford Fajar.
- Adenan Ayob. 2012. Nilai bahasa Melayu sebagai penggerak budaya perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum. *PENDETA: Jurnal Bahasa, Pendidikan dan Sastera Melayu*, 3: 39-51.
<https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/PENDETA/article/view/1114>
 Diakses pada 1/10/2020
- Bandura A., 1986. *Social Foundations of Thoughts and Action: A Social Cognitive Theory*. Englewood Cliffs. NJ.: Prentice-Hall.
- Bandura, A. 1997. Social learning theory. New Jersey: Prentice-Hall.
- Freeman, A. L. 2000. Political Participation and Ethnic Minorities. Routledge: New York
- Hayati Lateh, Mohammad Fadzeli Jaafar & Mohammed Azlan Mis, Norsimah Mat Awal. (2013). Pilihan bahasa di sempadan Malaysia-Thailand berdasarkan analisis domain. *Jurnal Linguistik*. 17(2) Disember. 91-100
- Hyman, H. H. 1959. Political Socialization, A Study in the Psychology of Political Behaviour. New York: The Free Press.
- Ibn Khaldun, Abd al-Rahman bin Muhammad Khaldun al-Hadrami. 2002. Mukaddimah Ibn Khaldun. Terj. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka
- Khaidzir Ismail, Khairil Anwar, Shahrudin Ahmad & Jumali Hj. Selamat. (2010). Profil personaliti bakal calon majlis perwakilan pelajar ukm: suatu perbandingan antara lelaki dan wanita. *Jurnal Personalita Pelajar*, 13: 1-18.
- Langton, K.P. 1969. Political Socialization. New York: Oxford University Press.
- Mansor Mohd Noor, Abdul Rahman Abdul Azizi & Mohamad Ainuddin Iskandar Lee. 2006. Hubungan Etnik Di Malaysia. Selangor: Prentice Hall Pearson Malaysia Sdn Bhd.
- Mohd Isha Awang. 2008. Isu dan Cabaran Bahasa Melayu dalam Pendidikan. Berita Harian. 16 Julai 2008.
- Mohd Ridhuan Tee Abdullah. 2010. Cabaran integrasi antara kaum di Malaysia: perspektif sejarah, keluarga dan pendidikan. *Jurnal Hadhari*, 3 (2010): 61-84
- Mohd Yusof Othman et al. 2010. Jati diri kebangsaan dalam kalangan pelajar IPT. *Jurnal Hadhari Special Edition*, 67-78.
- Nor Hahimah Jalaluddin, Junaini Kasdan & Mustaffa Omar. 2013. Penguasaan Bahasa Melayu Remaja Sabah dan Sarawak. Edisi Pertama. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia
- Nik Safiah Karim. 1992. Beberapa Persoalan Sociolinguistik Bahasa Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Musa & Abdul Hamid Mahmood. 2013. Tatabahasa Dewan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Purcell, V. 1997. Orang-Orang Cina di Tanah Melayu. Skudai: UTM.
- Puteri Roslina Abdul Wahid. 2003. Pendekatan sosiokognitif dalam seni kartun: kajian kes kartun Lat. *Jurnal Bahasa*, 3: 433-645
- Samruhaizad Samian@Samion, Jamaluddin Md. Jahi & Azahan Awang. 2014. Isu Perbandaran dan kualiti hidup penduduk pinggir bandar *International Journal of the Malay World and Civilisation: IMAN*, 2(21): 63-75
- Siti Rahimah Mustaffa, Raja Masittah Raja Ariffin & Normahdiah Sheikh Said. 2014. Kekeliruan jati diri punca bahasa bercampur aduk *Jurnal Bahasa*, 14(1): 134-158.
- Sinar Harian. 6 November 2019. Ubah sekolah vernakular kepada satu aliran: ahli akademik.
<https://www.sinarharian.com.my/article/55848/BERITA/Nasional/Ubah-sekolah-vernakular-kepada-satu-aliran-Ahli-akademik>
 Diakses pada 10/11/2019
- Wan Muhamad, S.A.A. 2010. Strategi, kaedah dan pelaksanaan dakwah dalam membina jati diri kebangsaan. Dlm. Mohd Yusof Osman (Pnyt.) *Jati Diri*

- Kebangsaan Manhaj Islam Hadhari* (hlm. 85-96). Bangi: Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zamri Mahamamod, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Shamsudin Othman, Alizah Lambri & Hadi Hassan. 2020. Tahap pemahaman, penghayatan dan pengamalan jati diri bahasa Melayu dalam kalangan rakyat Malaysia. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu - JPBM*, 10(1):27-36
- Zulkifley Hamid et al. 2010. Sikap Terhadap Bahasa Melayu: Satu Kajian Kes Di Pantai Timur Semenanjung. *Jurnal Melayu*, (5)2010: 163-176.
- Zuraini Ramli. 2017. Upaya Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu di Universiti Awam di Malaysia: Pengalaman, Realiti dan Harapan. Simposium Internasional Upaya Bahasa Melayu sebagai Bahasa Pemersatu.
https://www.researchgate.net/publication/336363041_Upaya_Bahasa_Melayu_sebagai_Bahasa_Ilmu_di_Universiti_Awam_di_Malaysia_Pengalaman_Realiti_dan_Harapan. Diakses pada 6/9/ 2020.